

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**SOALAN : 408**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil ataupun dapatan muktamad siasatan Polis mengenai kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat, Pastor Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

PDRM masih meneruskan siasatan berhubung kehilangan Pastor Raymond Koh berkait Kelana Jaya report 1540/2017 bertarikh 13 Februari 2017 di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan (menculik dan melarikan seseorang dengan niat hendak mengurungnya dengan sulit). Setakat ini seorang lelaki telah didakwa di mahkamah pada 15 Januari 2018 dan siasatan masih diteruskan bagi mengesan mangsa.

Bagi kes kehilangan Joshua Hilmi dan isterinya berkait Sg. Way report 2249/2017 dan kes kehilangan Amri Che Mat berkait Kangar report 008554/2016, kes berkenaan telah diklasifikasi sebagai orang hilang. Pihak Polis masih belum dapat sebarang petunjuk baru untuk mengesan mangsa-mangsa yang terlibat dan pihak keluarga mangsa juga tidak menerima sebarang panggilan untuk menuntut wang tebusan atau komunikasi lain. Pihak polis masih berusaha untuk mengesan mangsa dan saspek yang bertanggungjawab.